

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Indeks Ketegangan Masyarakat (SSI) iaitu petunjuk penting tahap keharmonian dan perpaduan rakyat di negara ini dilaporkan berada pada kedudukan yang baik dengan hanya purata 19.2 kes bagi setiap sejuta penduduk dicatatkan sepanjang 2012.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Datuk Azman Amin Hassan, tahap tertinggi yang ditetapkan oleh JPNIN ialah 25 kes bagi setiap sejuta penduduk dan SSI tahun lalu masih boleh dikategorikan baik serta memuaskan.

Beliau dilaporkan berkata, indeks purata rendah yang dicatatkan itu kemungkinan besar berpunca daripada pelbagai dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang tahun lalu yang dilihat banyak memberi kelegaan dan meringankan beban rakyat.

Misalnya, kerajaan telah mewujudkan beberapa akta baharu seperti Akta Perhimpuan Aman selain menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta Akta Hasutan dan Mesin Cetak sebagai langkah transformasi politik kerajaan. Jelas, rakyat dapat memahami hasrat murni kerajaan yang ingin terus memberi kebebasan kepada rakyat di samping memperkasakan amalan demokrasi yang baik.

Menurut Azman lagi,

Indeks ketegangan masyarakat bukti perpaduan subur

turun naik bacaan indeks SSI ini sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor yang berkaitan dengan keadaan politik semasa tanah air. Umpamanya, kata beliau, indeks SSI paling tinggi dicatatkan pada 2008 iaitu pada tahap 27.9 kerana ia adalah tahun pilihan raya umum (PRU-12) dan sepanjang tempoh itu, banyak demonstrasi telah diadakan oleh parti politik.

Indeks SSI diramal meningkat

Ringkasnya, pencapaian SSI tahun lalu membuktikan perpaduan dalam kalangan rakyat kita masih subur dan boleh dibanggakan walau pun pelbagai insiden, salah

faham dan ketegangan yang berpunca daripada isu politik, agama dan etnik terus kedengaran serta mengambil tempat.

Hakikatnya, majoriti rakyat kita masih berprijak di bumi nyata dan mahu terus menikmati kehidupan yang aman dan tenang. Rakyat juga sedar tidak berbaloi untuk memperjuangkan jambatan perpaduan yang telah dibina oleh generasi terdahulu hanya kerana politik perkauman yang sempit.

Dalam hal ini seperti kata Ketua Pengarah JPNIN berdasarkan SIS 2008, ahli dan parti politik perlu mengambil perhatian bahawa tindak-tanduk mereka kalah antara punca utama yang menyebabkan indeks ini meningkat seperti pada

2008 dan kita khuatir menjelang PRU-13 tahun ini indeks SSI bakal meningkat kembali.

Hal ini tidak mustahil untuk berulang kerana tahun ini pastinya PRU-13 akan diadakan dan semua parti politik sudah pun mula berkempen mengikut cara masing-masing untuk menarik perhatian pengundi. Oleh itu, dalam keghairahan untuk mendapatkan kepercayaan pengundi janganlah sesekali kita melangkaui batas agama dan kaum yang kita hormati sekian lama.

Sikap tidak bertanggung-jawab

Ahli politik perlu menjauhi diri daripada amalan politik perkauman sempit yang jelas merugikan semua pihak,

malah dilihat banyak menimbulkan pelbagai ketegangan dan kontroversi dalam kalangan masyarakat.

Situasi ketegangan yang ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini sering kali mencetuskan kekeliruan dalam kalangan rakyat. Tindakan meniupkan api perkauman boleh menghancurkan segala keamanan dan perpaduan yang telah kita nikmati selama ini.

Oleh itu, menjelang PRU-13 ini kita berharap sangat supaya semua parti politik akan mengutamakan kepentingan nasional daripada kepentingan dan agenda politik peribadi.

Berkempenlah sehebat mana sekalipun, tetapi jangan sesekalii menyentuh dan membabitkan isu sensitif seperti agama dan hak keistimewaan sesuatu kaum. Apa yang telah terpateri kemas dalam Perlembagaan dan Kontrak Sosial perlu dipatuhi serta ditaati sepenuhnya tanpa sebarang kompromi kerana itulah resipi kejayaan kita selama ini.

Kita khuatir jika isu seperti ini dijadikan bahan kempen pilihan raya sudah pastinya akan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat kita yang sekali gus boleh menceetuskan ketegangan kaum dan menghancurkan perpaduan nasional. Sudah tentu kita

(Ketua Perancangan Korporat Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor)

tidak mahu peristiwa 13 Mei berlaku lagi.

Bahan provokasi

Misalnya, isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam yang tercetus kembali baru-baru ini jelas satu petanda kurang baik kepada kehidupan dan rukun masyarakat pelbagai agama dan kaum di negara kita.

Isu ini sepatutnya tidak timbul dan tidak perlu dijadikan isu politik. Kedudukan agama Islam sudah cukup jelas dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Andai semua pihak dapat menghayati dan mentaati isi kandungan Perlembagaan kita sepenuhnya sudah pasti isu ini tidak akan ditimbulkan kembali.

Apa yang lebih merisaukan kita sekarang ialah kita khuatir isu ini akan terus menjadi bahan kempen politik menjelang PRU-13 yang mana ada kemungkinan pelbagai provokasi bakal dicetuskan akan menaikkan kemarahan umat Islam di negara ini.

Secara dasarnya walaupun SSI kita baik dan perpaduan masih subur namun ancaman-ancaman perpaduan kaum yang wujud jika tidak ditangani dengan baik boleh menghancurkan jambatan perpaduan terbabit. Hanya kesedaran yang tinggi dalam kalangan setiap warga negara mampu mengelak kejadian seumpama ini terus berlaku.